

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPW 551 Undang-Undang Perancangan

Masa : (2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan SATU dan DUA soalan lain.

1. "Seksyen 8(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki pihak berkuasa perancangan tempatan dalam tempoh yang ditentukan oleh Jawatankuasa menyedia dan menyampaikan kepada Jawatankuasa suatu laporan pemeriksaannya di bawah Seksyen 7 dan pada masa itu juga menyedia dan menyampaikan kepada Jawatankuasa untuk mendapat kelulusannya suatu draf rancangan struktur menurut Seksyen 8(3) bagi kawasan pihak berkuasa perancang tempatan itu".

Merujuk kepada pernyataan di atas apakah yang anda faham dengan perkataan-perkataan berikut:

- (i) "Jawatankuasa" dan apakah peranan dan kuasanya di dalam penyediaan rancangan struktur?.
- (ii) "Laporan Pemeriksaan" dan apakah perkara-perkara yang perlu diperiksa oleh pihak berkuasa perancangan tempatan?.
- (iii) "Draf Rancangan Struktur" dan apakah perkara-perkara yang harus dimasukkan di dalamnya?

(50 markah)

2. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperkenalkan penglibatan awam di dalam rancangan pemajuan. Terangkan peringkat-peringkat penglibatan awam dan proses yang perlu diikuti oleh pihak berkuasa perancang tempatan dan Jawatankuasa Perancang Negeri di dalam penyediaan dan kelulusan draf rancangan struktur.

(25 markah)

...2/-

3. Huraikan salah satu daripada prosedur-prosedur berikut:

- (i) Memproses permohonan untuk kebenaran merancang mengikut keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

ATAU

- (ii) Memproses permohonan pembangunan yang melibatkan tukar syarat dan pecah sempadan tanah mengikut keperluan Kanun Tanah Negara 1965 oleh pentadbir tanah daerah.

(25 markah)

4. Rayuan kepada Lembaga Rayuan oleh orang yang terkilang dengan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan dibenarkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Terangkan:

- (i) Perkara-perkara yang boleh dibuat rayuan dan prosedur mengemukakannya kepada Lembaga Rayuan.
- (ii) Proses mempertimbangkan rayuan tersebut oleh Lembaga Rayuan.

(25 markah)

-ooo00ooo-